



UNTUK SIARAN
SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**8.7 JUTA GOLONGAN B40 AKAN MENERIMA STR FASA 2 BERNILAI
RM1.26 BILION SECARA BERPERINGKAT MULAI 5 APRIL 2023**

Seperti yang diumumkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (2023) pada 29 Mac 2023 di Dewan Negara, bayaran **Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2** diawalkan kepada awal bulan April 2023 bagi meringankan beban sara hidup rakyat menjelang Aidilfitri.

Pembayaran **STR Fasa 2 bernilai RM1.26 bilion** kepada **8.7 juta golongan B40** akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima yang **berdaftar di dalam pangkalan data STR** secara berperingkat mulai 5 April 2023 (Rabu) seperti berikut:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar STR Fasa 2	Implikasi Kewangan (RM bilion)
Isi Rumah	4.0 juta	RM200	0.80
Warga Emas Tiada Pasangan	1.2 juta	RM100	0.11
Bujang	3.5 juta	RM100	0.35
Jumlah	8.7 juta	-	1.26

Penerima STR di kawasan pedalaman termasuk Sabah dan Sarawak yang mempunyai akaun bank atau tiada akaun bank akan turut menerima pembayaran ini pada tarikh yang sama. **Penerima STR yang tiada akaun bank** juga boleh membuat penunaian di Cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) mulai 5 April 2023.

Dengan pembayaran ini, sejumlah **RM2.93 bilion peruntukan STR telah dibayar kepada golongan B40 pada tahun 2023.**

Pembayaran seterusnya iaitu Fasa 3 dan Fasa 4 akan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan iaitu pada bulan **Julai dan November tahun ini** dengan mengambil kira permohonan baharu/kemas kini STR yang diterima semasa tempoh permohonan dan pengemaskinian.

Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak **714,918 permohonan baharu dan 2,618,104 permohonan kemas kini telah diterima** dan akan melalui proses verifikasi sebelum diluluskan mengikut kategori kelayakan STR.

Semakan status pembayaran akan dibuka mulai 5 April 2023. Maklumat lanjut berkaitan pembayaran ini boleh dirujuk kepada Soalan Lazim (FAQ) di Portal Rasmi STR melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my>.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
3 April 2023